



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.600-4/1/1 JLD. 20(86)

Tarikh : 24 November 2023

Pengarah Urusan
Ardent Educational Consultant Sdn. Bhd.
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang
Taman Danau Kota
53300 Setapak
Kuala Lumpur

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM
KIJANG ECONOKIDS COMPETITION 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel daripada pihak tuan bertarikh 21 November 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak tuan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Program Kijang Econokids Competition 2023** yang dilaksanakan **12 Julai 2023**.
3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A.
4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai pemenang dan peserta yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri.

KPM.600-4/1/1 JLD.20(86)


5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Dr. Fazura binti Mohd Noor** di talian **03-88721649** atau e-mel **fazura.mohd@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN A

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4